

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN ER TECK HWA
KAWASAN : BAKRI
TARIKH : 7 NOVEMBER 2017
NO. SOALAN : 12

SOALAN

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelanggan yang telah menempah, mendaftar dan membatalkan tempahan kereta PROTON mengikut pecahan jenis model bagi setiap negeri dari tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan sehingga 30/09/2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak tahun 2012, PROTON telah menjadi sebuah syarikat swasta secara sepenuhnya apabila dimiliki 100% oleh syarikat DRB-HICOM Berhad sebelum syarikat DRB-HICOM mengumumkan Geely sebagai rakan kongsi strategik PROTON pada 24 Mei 2017.

Sebagai sebuah sebuah syarikat swasta, pihak Kerajaan Kerajaan tidak sama sekali campur tangan atau mempunyai kawalan ke atas operasi mana-mana syarikat. Oleh itu, pihak Kerajaan tidak mempunyai maklumat berkenaan jumlah pelanggan yang telah menempah, mendaftar dan membatalkan tempahan kereta PROTON.

Berdasarkan perangkaan yang telah dikemukakan oleh PROTON, jumlah jualan kereta model PROTON adalah seperti jadual di bawah:

Tahun	Jumlah Jualan
2013	138,753 unit
2014	115,783 unit
2015	102,546 unit
2016	72,291 unit
2017 (sehingga Ogos)	51,799 unit

Tuan Yang di-Pertua,

PROTON sentiasa menjalankan pelbagai inisiatif dan penambahbaikan bagi meningkatkan jualan dan tahap kepuasan pelanggan. Antara inisiatif yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- i. penambahbaikan model-model sedia ada pada tahun 2017 bagi model seperti Iriz dan Exora;
- ii. pakej promosi 5 Nilai Menakjubkan (*Amazing-5 Value*) yang merangkumi tahap keselamatan 5 bintang ASEAN NCAP, waranti 5 tahun dan servis percuma selama 5 tahun;
- iii. operasi 7 hari seminggu bagi jualan dan khidmat selepas jualan (*post sale services*);
- iv. memperkenalkan aplikasi mudah-alih telefon pintar '*My Proton*' – merangkumi temujanji untuk pandu uji dan kidmat selepas jualan, maklumat mengenai model dan alat ganti, promosi terkini, alamat pusat jualan dan khidmat selepas jualan, maklumbalas pengguna dan sebagainya; dan

- v. jelajah promosi di lokasi-lokasi strategik di seluruh negara bagi meningkatkan jumlah jualan kereta model PROTON.

Sekian, terima kasih.

15

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK
DAGANG [KANOWIT]**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2017
(SELASA)**

SOALAN : 13

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk membangunkan lebih banyak lagi projek penjana kuasa Mini Hydro di kawasan pedalaman Sarawak terutama untuk rumah-rumah panjang yang memang jauh dan tidak dapat disambungkan kepada grid utama SESCO tetapi mempunyai bekalan air / water source untuk projek Mini Hydro tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di negeri Sarawak adalah berdasarkan kepada senarai keutamaan oleh Kementerian Utiliti Sarawak (KUS) dan kaedah pembekalan yang sesuai adalah berdasarkan cadangan oleh pihak KUS dan juga Sarawak Energy Berhad (SEB).

Bagi kawasan-kawasan yang tidak dapat disambung menggunakan talian grid, kaedah alternatif iaitu secara solar hibrid atau mini hydro akan dilaksanakan berdasarkan kepada kesesuaian sistem penyambungan bekalan oleh Sarawak Energy Berhad (SEB).